

PM bidas Sanusi dakwa Pulau Pinang masih milik Kedah, tak faham Perlembagaan

Oleh Rohaniza Idris,
Audrey Dermawan dan
Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim membidas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor yang berterusan mendakwa Pulau Pinang masih hak Kedah.

Perdana Menteri berkata, seba-

gai Menteri Besar, Pengerusi Perikatan (PN) Kedah itu seharusnya faham perlembagaan dan aspek perundangan walaupun kenyataannya bermotifkan politik.

Merujuk kenyataan Muhammad Sanusi kelmarin yang mendakwa Kedah dan Pulau Pinang tidak ada sempadan kerana Pulau Pinang masih hak Kedah, sekali gus tidak perlu mengambil kembali negeri jiran itu, Anwar mene-

gaskan, ada perjanjian jelas direkodkan mengenai isu itu.

“Kadang-kadang apabila seorang pemimpin berucap, dia kena faham Perlembagaan, kena faham perjanjian. Walaupun ada perjanjian 300 tahun dahulu, 1,000 tahun dahulu, ada perjanjian terakhir penubuhan Persekutuan Tanah Melayu dan itu jelas.

Nasional 3

Sanusi dinasihati fahami sejarah, hentikan ‘gurauan’

Dari Muka 1

“Nak ucap dari segi sandiwara politik itu soal lain, tetapi sebagai seorang Menteri Besar, saya fikir wajar terikat dengan perundangan. Saya boleh komen ini berdasarkan ulasan Peguam Negara.

“Cukup cukup jelas bahawa perkara ini perlu menghormati perjanjian Perlembagaan yang diperkenan semua Raja-Raja Melayu, termasuk Sultan Kedah,” katanya ketika ditemui pemberita di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di sini, semalam.

Anwar hadir merasmikan Majlis Seminar Fikrah Siddiq Fadzil - Citra Budaya dan Peradaban Bangsa Malaysia yang turut dihadiri Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek; Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, Prof Datuk Seri Dr Awang Sariyan dan Ketua Pengarah DBP, Dr Hazami Jahari.

Mengikut dokumen sejarah, Pulau Pinang diserahkan oleh Sultan Abdullah Mukarram Shah yang memerintah Kedah pada ketika itu kepada Francis Light, wakil Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) melalui satu perjanjian penyewaan pada 1786.

Penyerahan itu sebagai gantinya untuk mendapat perlindungan pihak British daripada serangan Siam dan Burma sebelum Fran-

cis Light kemudian menamakan semula Pulau Pinang sebagai Prince of Wales, pangkalan British yang pertama pernah ditubuhkan di Tanah Melayu.

Bawa isu ke mahkamah

Di **Georgetown**, Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow, berkata jika Muhammad Sanusi benar-benar serius bahawa Kedah masih memiliki Pulau Pinang, isu itu perlu dibawa ke mahkamah untuk penyelesaian.

“Daripada laporan yang saya baca, dia anggap ini gurauan. Ini bukan benda baharu, sebaliknya isu sangat serius, malah jadi bertambah serius. Kami juga serius mendengar gurauannya dan dia boleh terus bergurau,” katanya.

Kon Yeow berkata, beliau tidak berani untuk menasihati Menteri Besar Kedah itu supaya menghentikan ‘gurauan’ berkaitan Pulau Pinang, sebaliknya lebih baik rakyat Kedah serta pengundi di negeri itu sendiri membuat keputusan.

“Saya tak berani nasihat dia sebab dia Menteri Besar Kedah. Kalau mahu nasihat, biar rakyat dan pengundi Kedah nasihat dia lebih baik. Mungkin dia tidak ada isu pun nak disebut menjelang Pilihan Raya Negeri (PRN) nanti,” katanya.

Ditanya sama ada Pulau Pi-

nan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap Menteri Besar Kedah itu, beliau berkata, kerajaan negeri bersedia berdepan Muhammad Sanusi dalam isu di mahkamah.

“Seperti isu-isu lain sebelum ini, kita memang selalu kata kepada beliau, jumpa di mahkamah. Apa-apa tuntutan termasuk bayaran air, tuntutan ke ataa Seberang Perai, kita jumpa di mahkamah.

“Namun sehingga kini, Muhammad Sanusi hanya bergurau dan tidak pernah mengambil apa-apa tindakan undang-undang,” katanya selepas menghadiri sidang akhbar Penang International Food Festival 2023.

Fahami perjanjian, sejarah

Di **Sungai Petani**, Setiausaha Agung DAP, Anthony Loke dan Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, juga bersependapat dengan Kon Yeow, meminta Muhammad Sanusi memberi tumpuan menjaga kebajikan rakyat Kedah.

Ketika ditemui pemberita selepas melancarkan Program MyLesen B2 Peringkat Kebangsaan, Loke berkata Muhammad Sanusi perlu faham perjalanan negara yang ada 13 negeri, termasuk Pulau Pinang dan faham prinsip Rukun Negara, antaranya Keluh-

ran Perlembagaan.

Saifuddin yang juga Menteri Dalam Negeri, pula berkata isu Kedah dan Pulau Pinang sudah pun selesai di peringkat Kerajaan Persekutuan dan setiap pihak perlu bergerak ke depan.

“Benda-benda ini telah pun diuruskan oleh pendiri negara kita dalam tempoh sekian lama.

“Saya jarang sangat dengar ada

Menteri Besar ulas benda-benda begini, daripada bangkit soal Pulau Pinang hak Kedah, isu pampasan nak sekat air.

“Saya fikir sampai masa rakyat Kedah celik bahawa kita perlu pemimpin yang ambil berat soal rakyat daripada nak cetuskan kontroversi dan perkara tak perlu,” katanya yang juga Setiausaha Agung PKR.